




مَجْلِسُ أَئِمَّةِ إِسْلَامٍ وَأَهْلَ عَادَاتٍ مَلَيْعٍ فِي رَاقٍ
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



RASIONAL KULIT

Elemen Seni Corak Islam ini merupakan keunggulan dalam kesenian Islam dengan warna perak yang membawa kemegahan umat Islam.





kandungan

11 PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

15 KEANGGOTAAN MAIPk

21 MAKLUMAT KORPORAT

33 PRESTASI PERSIDANGAN & JAWATANKUASA UTAMA MAIPk

39 LAPORAN OPERASI

55 ANUGERAH

57 PERISTIWA PENTING

73 STATISTIK

83 PENYATA KEWANGAN

103 DIREKTORI MAIPk



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel : **05-208 4000** Faks : **05-241 4257**
E-mel : korporat@maiamp.gov.my

Daulat
Suanku



**DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH
D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.A.**

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan



**DULI YANG MAHA MULIA
RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN
TUANKU BAINUN
D.K., D.K. (Selangor), D.M.N., D.K.A.**



**DULI YANG TERAMAT MULIA
RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K.II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S.,
S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)



DULI YANG TERAMAT MULIA
RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN
TUANKU ZARA SALIM
D.K.S.A., D.K.A.



PERUTUSAN



PERUTUSAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bismillahi Rahmani Rahim,

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun 2012 dapat diterbitkan untuk tatapan dan pemerhatian para pelangan yang dikasihi.

Tahun 2012 merupakan tahun gemilang di dalam usaha transformasi MAIPk. Pelbagai pencapaian yang memberangsangkan telah berjaya dicatatkan. Buat julung kalinya, MAIPk berjaya menempa sejarah dalam pungutan zakat apabila jumlah yang dikumpulkan adalah melebihi RM100 juta. Pencapaian ini merupakan kurniaan Ilahi serta usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak MAIPk. Tidak ketinggalan, kejayaan ini juga adalah disebabkan oleh peningkatan kepercayaan masyarakat dan organisasi dalam menjalankan ibadah zakat melalui MAIPk. Pungutan zakat yang semakin meningkat menuntut komitmen serta inovasi yang berterusan dalam pengagihan zakat. MAIPk memperkenalkan beberapa program baru untuk mensasarkan golongan Fakir dan Miskin berusaha keluar daripada kepompong kemiskinan. Prosedur-prosedur agihan sentiasa dikemas kini demi kemudahan pemohon-pemohon bantuan.

MAIPk meneruskan kecemerlangan apabila memperolehi penarafan empat (4) bintang (maksimum 4 bintang) dalam Indeks Akauntabiliti berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu 2011 (3 bintang), 2010 (2 bintang) dan 2009 (1 bintang). Peningkatan memberangsangkan ini menunjukkan tadbir urus MAIPk bertambah baik dari semasa ke semasa. Di samping itu, MAIPk turut memperoleh penarafan empat (4) bintang daripada maksimum lima (5) bintang, Penilaian Portal dan Website Kerajaan Malaysia oleh MAMPU pada tahun 2012. Kejayaan-kejayaan ini tidak datang begitu sahaja melainkan dengan terbinanya aspek-aspek disiplin serta komitmen oleh warga MAIPk.

Pengurusan rekod hartaanah dan wakaf terus diperkasakan supaya lengkap dan tersusun demi kelangsungan ummah. Pelbagai tindakan dalaman

yang lebih sistematik dan kolaborasi dengan pelbagai agensi telah diusahakan dengan gigih sekali. Banyak rekod-rekod dalam bentuk hakmilik dan gazet (pewartaan) yang sebelum ini sukar dikesan telah dapat dimurnikan maklumatnya. Tindakan ini sangat penting bagi memastikan aset-aset yang berkaitan dapat dibangunkan dan manfaatnya mudah dipulangkan semula kepada ummah di Negeri Perak.

“Kejayaan-kejayaan yang ditempa tidak mungkin dapat dicapai jika warga yang ada gagal digembangkan sepenuhnya”.


Justeru, warga MAIPk terus dibangunkan aspek mental, rohani dan jasmani melalui pelbagai kursus, latihan, bengkel dan sebagainya untuk menjadi penggerak organisasi yang fleksibel, kukuh serta mantap. Pembentukan ini dapat menjadikan MAIPk terus relevan di dalam memberi khidmat dan sumbangan kepada masyarakat dan segala kesulitan masyarakat dapat diatasi dengan segera dan terbaik.

Akhir kata, saya menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota MAIPk, pekhidmat MAIPk serta masyarakat kerana bersama-sama berganding bahu mengangkat martabat MAIPk pada kedudukan yang lebih tinggi dan disegani demi membangunkan sosio-ekonomi ummah di Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN
SYED IKHSAN**





KEANGGOTAAN MAIPk



**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K.II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S.,
S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)

Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Ahli Kerana Jawatan



01. YAB. DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR
02. YB. DATO' ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN
03. YB. DATO' AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
04. YB. DATO' HAJI MOHD. GAZALI BIN JALAL
05. YABHG. SS. TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
06. YAA. DATO' HAJI MUHAMMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH
07. YBHG. DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN

Ahli-Ahli






01. YABHG. ORANG KAYA TEMENGGONG PADUKA RAJA DATO' SERI WAN MOHD. FATHIR @ FADZIR BIN WAN HUSSAIN
02. YABHG. DATO' SERI MOHD ANNUAR BIN ZAINI
03. YABHG. DATO' HAJI MD. SALLEH BIN HAJI MD @ HAJI AHMAD
04. YBHG. DATO' HAJI MOHAMAH NOR BIN MANSOR
05. YBHG. DATO' HAJI MUHAMMAD RIVAI BATUBARA
06. YBHG. TUAN HAJI AS'AD BIN AWANG
07. YBHG. PROFESOR DATO' DR. ANSARY BIN AHMED
08. YABHG. TAN SRI DATO' DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN
09. YDH. TOH MUDA ORANG KAYA BESAR MAHARAJA DIRAJA DATO' DR. SYED JAAFAR BIN SYED AZNAN
10. YBHG. ORANG-ORANG KAYA IMAM PADUKA TUAN DATO' DR. MUHAMMAD AFIFI AL-AKITI
11. YDH. DCP DATO' PAHLAWAN MOHD SHUKRI BIN DAHLAN
12. YDH. TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B) DATO' SHAHARUDIN BIN HAJI NAZARI
13. YBHG. DATO' (DR.) HAJI ABD. MALEK BIN AWANG KECHIL
14. YBHG. PROFESOR DR. HAJI JAMIL BIN HASHIM



Setiausaha

YBHG. DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN





MAKLUMAT KORPORAT

VISI

Menjadi Institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

OBJEKTIF


Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan.

Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangunkan sosio-ekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah.

MISI

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan, intergriti dan profesionalisme yang tinggi.

Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan kewangan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.



PIAGAM PELANGGAN

1. Memberi Maklum Balas Jemputan Program-Program Promosi Zakat Dalam Tempoh **Tiga (3) Hari**.
2. Menyelesaikan Taksiran Zakat Perniagaan Dalam Tempoh **Tiga (3) Hari**.
3. Menyelesaikan Taksiran Zakat Harta Selain Zakat Perniagaan Dalam Tempoh **30 Minit**.
4. Menyelesaikan Urusan Pembayaran Upah Amil Harta / Institusi / Profesional Dalam Tempoh **Satu (1) Bulan**.
5. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Baik Pulih Rumah Dan Bantuan Persekolahan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Empat (4) Bulan**.
6. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Bina Rumah Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Lima (5) Bulan**.
7. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Perubatan, Bantuan Perjalanan Domestik Dan Bantuan Am Pelajaran (Persediaan Dan Pendaftaran IPT) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Satu (1) Bulan**.
8. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Haemodialisis Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Tujuh (7) Hari**.
9. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Kecemasan Daripada Permohonan Yang Lengkap Diterima Di Kaunter Dalam Tempoh **30 Minit**.
10. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Penyelesaian Hutang, Bantuan Modal, Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sewa Rumah Dan Bantuan Dermasiswa (Dalam Dan Luar Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Tiga (3) Bulan**.
11. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Tambang Perjalanan Sehala Pergi Atau Balik (Belajar Luar Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Dua (2) Bulan**.
12. Menyelesaikan Permohonan Kes-Kes Rayuan Semua Jenis Bantuan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Satu (1) Bulan**.
13. Memaklumkan Keputusan Urusan Jual Beli Tanah Baitumal Di Bawah 40 Pole ($\frac{1}{4}$ Ekar) Dalam Tempoh **Satu Setengah (1½) Bulan** Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima.
14. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh **Lima (5) Hari** Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima (Perletakkan Berkunun).
15. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh **Satu Setengah (1½) Bulan** Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima (Borang 14A – Tiada Sekatan Kepentingan).
16. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh **Dua (2) Bulan** Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima (Borang 14A – Ada Sekatan Kepentingan).
17. Memberi Kelulusan Memungut Derma Di Negeri Perak Dalam Tempoh **Lima (5) Hari** Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima.
18. Memaklumkan Keputusan Bagi Permohonan Yang Lengkap Mengenai Sewaan / Pajakan Tanah Dan Bangunan Dalam Tempoh **Empat Belas (14) Hari**.
19. Memaklumkan Keputusan Bagi Permohonan Yang Lengkap Mengenai Sewaan Kemudahan-Kemudahan Lain Di Kompleks Islam Darul Ridzuan Dalam Tempoh **Tiga (3) Hari**.
20. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Bencana (Bantuan Sekaligus Tunai-Tidak Melebihi Satu Ribu Ringgit) Dalam Tempoh **Satu (1) Bulan**.
21. Menyelesaikan Pengambilan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Kumpulan Sokongan I Dan II Dalam Tempoh **Enam (6) Bulan** Dari Tarikh Tutup Iklan Kekosongan Jawatan Disiarkan.
22. Memberi Maklum Balas Terhadap Pertanyaan/ Surat-Menyurat Daripada Pihak Luar Dalam Tempoh **Tujuh (7) Hari**.
23. Memastikan Penyata Pembayaran Potongan Zakat Berjadual (PZB) Dikeluarkan Kepada Pembayar Zakat **Tidak Lewat Daripada 31 Mac Setiap Tahun**.
24. Menyelesaikan Semua Urusan Pembayaran Perbekalan Dalam Tempoh **14 Hari Bekerja** Daripada Tarikh Tuntutan Yang Lengkap Diterima.
25. Menyelesaikan Urusan Pelanggan Di Kaunter Pungutan Dalam Tempoh **Tidak Melebihi 30 Minit**.
26. Memberi Maklum Balas Aduan Berkaitan Masjid, Surau, Sekolah Agama Rakyat Dan Tanah Perkuburan Dalam Tempoh **Tujuh 7 Hari**.
27. Memberi Keputusan Permohonan Khatib Jemputan Dalam Tempoh **Tidak Lebih 14 Hari**.
28. Memberi Keputusan Pengesahan Teks Khutbah Khas Dalam Tempoh **14 Hari**.
29. Memberi Keputusan Permohonan Pembangunan Islam Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh **Satu (1) Bulan**.
30. Memberi Maklum Balas Terhadap Semua Aduan Pelanggan Dalam Tempoh **Tujuh (7) Hari**.
31. Memastikan Urusan Pelanggan Di Kaunter Pada Tahap Amat Baik Dan Cemerlang **Melebihi 80 Peratus** Mengikut Pengukuran Smiley Box.

NILAI-NILAI KORPORAT

Nilai-nilai korporat MAIPk adalah seperti berikut :

1 MUAFAKAT

Kemuafakatan MAIPk bersama semua agensi berkaitan dalam melaksanakan amanah membantu kebajikan umat Islam yang berkonsepkan prinsip *ta'awun*.

2 AKRAB (SEMANGAT BERPASUKAN)

Menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga MAIPk dengan mengembangkan tenaga, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara bersama serta bersungguh-sungguh.

3 INTEGRITI

Nilai tinggi dalam perkhidmatan yang berpegang teguh kepada amanah dan ihsan.

4 PROFESIONALISME

Sentiasa bersikap rasional dan matang dalam sebarang tindakan dan keputusan.

5 KESEDERHANAAN

Mengamalkan kesederhanaan personaliti dan ketinggian kompetensi berdasarkan prinsip *wasatiah*.

INFORMASI KORPORAT

SENARAI NAMA YANG DIPERTUA, AHLI DAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	Yang Dipertua
2.	YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir	Ahli Majlis
3.	YB. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan	Ahli Majlis
4.	YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid	Ahli Majlis
5.	YB. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal	Ahli Majlis
6.	YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Ahli Majlis
7.	YAA. Dato' Haji Muhammad Asri bin Haji Abdullah	Ahli Majlis
8.	YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin	Ahli Majlis
9.	YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Ahli Majlis
10.	YABhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini	Ahli Majlis
11.	YBhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad	Ahli Majlis
12.	YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor	Ahli Majlis
13.	YBhg. Dato' Haji Muhammad Rivai Batubara	Ahli Majlis
14.	YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang	Ahli Majlis
15.	YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli Majlis
16.	YABhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin	Ahli Majlis
17.	YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan	Ahli Majlis
18.	YBhg. Orang-Orang Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti	Ahli Majlis
19.	YDH. DCP Dato' Pahlawan Mohd Shukri bin Dahlan	Ahli Majlis
20.	YDH. Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari	Ahli Majlis
21.	YBhg. Dato' (Dr.) Haji Abd. Malek bin Awang Kechil	Ahli Majlis
22.	YBhg. Profesor Dr. Haji Jamil bin Hashim	Ahli Majlis
23.	YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan	Setiausaha Majlis

SENARAI JAWATANKUASA-JAWATANKUASA UTAMA

1. Jawatankuasa Fatwa

Pengerusi

YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

2. Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan

Pengerusi

YABhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini

3. Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

Pengerusi

YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid

4. Jawatankuasa Audit

Pengerusi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

5. Jawatankuasa Pelantikan Pegawai MAIPk

Pengerusi

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

6. Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

Pengerusi

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

7. Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

Pengerusi

YBrs. Encik Mohd Haidi bin Sulaiman

8. Jawatankuasa Baitulmal Daerah

Nama Pengerusi Dan Pengerusi Bersama	Daerah
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain	Kuala Kangsar
YBrs. Dr. Zulkapli bin Mohamed	
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain	Taiping dan Selama
YBhg. Dato' Harun bin Rawi	
YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Haji Meor Redwan Bin Mahayudin	Kerian
YBrs. Encik Kamaruddin bin Awang	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Seri Mohd. Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar	Teluk Intan
YBhg. Encik Ahmad Zainudin bin Yeop Shamsudin	
YDH. Toh Seri Bijaya Leftenan Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari	Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong
YBrs. Encik Tahir bin Osman	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan	Ipooh dan Batu Gajah
YBhg. Dato' Jamry bin Sury	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan	Slim River dan Tapah
YBrs. Tuan Haji Razali bin Bakar	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja, Dato' Seri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Abd. Rahman	Seri Iskandar dan Kg. Gajah
YBrs. Tuan Haji Mohd Roslan bin Mat Lodin	
YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin	Kampar
YBhg. Dato' Ismail bin Hassan	
YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Azizul Hassan	Manjung
YBrs. Tuan Haji Zamari bin Mohd Ramli	


Alamat Pejabat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak

Juruaudit

Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Perak
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya
30518 Ipoh, Perak

CARTA ORGANISASI



Ibu Pejabat



01. DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN
BIN SYED IKHSAN
Ketua Pegawai Eksekutif
02. ENCIK MOHD HAIDI BIN SULAIMAN
Penolong Setiausaha
03. PUAN HAJAH WAN MAIZURA BINTI
HAJI WAN ZAHARI
Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan
04. ENCIK BAKRI BIN LEE
Penolong Setiausaha Bahagian Zakat
05. ENCIK ROHIZAN BIN HAJI OMAR
Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
06. ENCIK ARIFF BIN APANDI
Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan

07. ENCIK SHAIFUL NIZAM BIN NOT
Eksekutif Hartanah
08. ENCIK MUHAMMAD FADHLI BIN ISMAIL
Eksekutif Pelaburan
09. ENCIK MUNAWIR BIN MOHAMED NOH
Eksekutif Zakat (Promosi)
10. PUAN NOORWAHIDA BINTI ABU SEMAN
Eksekutif Zakat (Agihan)
11. CIK ZALEHA BINTI WAN DIN
Eksekutif Khidmat Pengurusan
12. PUAN NORFAZILAH BINTI BAWADI
Eksekutif Perancangan Strategik dan Risiko
13. ENCIK WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ
BIN MOHD AMIN
Eksekutif Korporat

Pegawai Baitulmal Daerah





01. **ENCIK MOHD NAJIB BIN HARUN**
Slim River
02. **ENCIK DZULBAZLI BIN MAHAMAD ALI**
Tapah
03. **ENCIK AHMAD NAZIM BIN MD. TAJURI**
Teluk Intan
04. **ENCIK MOHAMAD HAFIZI BIN MOHAMAH NOR**
Manjung
05. **ENCIK AHAMAD MUZAMMIL BIN ARBAIN**
Kg. Gajah
06. **ENCIK AHMAD FADZIL BIN MUSTAFFA**
Seri Iskandar
07. **ENCIK NORAIZAD BIN ROSLI**
Batu Gajah
08. **ENCIK HAMDI BIN OTHMAN**
Kampar
09. **ENCIK MUHAMMAD FAIZ BIN ZAKARIA**
Selama
10. **ENCIK MOHD SAUFI BIN IBRAHIM**
Taiping
11. **ENCIK MOHD HAFIZZIE BIN ABD KARIM**
Bagan Serai
12. **ENCIK S. DAUD BIN SHEHAMY**
Parit Buntar
13. **ENCIK SUHAIMI BIN YUSOFF**
Kuala Kangsar
14. **ENCIK ZULFADLI BIN BAHARUM**
Lenggong
15. **ENCIK AMIRUDIN BIN OSMAN**
Gerik
16. **ENCIK SAIFUL AZHAR BIN SARIBAN**
Pengkalan Hulu





PRESTASI PERSIDANGAN DAN JAWATANKUASA UTAMA MAIPk

PERSIDANGAN MAIPk

Bilangan Persidangan	Tarikh
01/2012	30 Januari 2012
02/2012	26 April 2012
03/2012	07 Ogos 2012
04/2012	23 Oktober 2012

JAWATANKUASA UTAMA MAIPk

Bil.	Nama Jawatankuasa	BIL. 1/2012 19 – 20/1/2012	BIL. 2/2012 9/4/2012	BIL. 3/2012 28/6/2012	BIL. 4/2012 25 – 26/9/2012	BIL. 5/2012 4/10/2012
1.	Jawatankuasa Fatwa					
2.	Jawatankuasa Pelaburan & Pembangunan	BIL. 1/2012 9/2/2012	BIL. 2/2012 31/5/2012	BIL. 3/2012 5/7/2012	BIL. 4/2012 13/9/2012	BIL. 5/2012 8/11/2012
3.	Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah	BIL. 1/2012 13-15/1/2012				
4.	Jawatankuasa Audit					
5.	Jawatankuasa Pelantikan Pegawai MAIPk	BIL. 1/2012 9/2/2012	BIL. 2/2012 12/4/2012	BIL. 3/2012 8/6/2012		
6.	Jawatankuasa Baitumal Tertinggi	BIL. 1/2012 11/1/2012	BIL. 2/2012 20/2/2012	BIL. 3/2012 14/3/2012	BIL. 4/2012 18/4/2012	BIL. 5/2012 2/5/2012
		BIL. 13/2012 8/10/2012	BIL. 14/2012 16/10/2012	BIL. 15/2012 29/10/2012	BIL. 16/2012 22/11/2012	BIL. 17/2012 27/11/2012
7.	Jawatankuasa Baitumal Pertengahan	BIL. 1/2012 27/1/2012	BIL. 2/2012 8/3/2012	BIL. 3/2012 23/3/2012	BIL. 4/2012 30/3/2012	BIL. 5/2012 13/4/2012
		BIL. 13/2012 5/10/2012	BIL. 14/2012 19/10/2012	BIL. 15/2012 16/11/2012	BIL. 16/2012 29/11/2012	BIL. 17/2012 14/12/2012

Kekerapan Mesyuarat

BIL. 6/2012
26/12/2012

BIL. 6/2012
18/5/2012

BIL. 7/2012
8/6/2012

BIL. 8/2012
29/6/2012

BIL. 9/2012
4/7/2012

BIL. 10/2012
24/7/2012

BIL. 11/2012
16/8/2012

BIL. 12/2012
3/10/2012

BIL. 18/2012
5/12/2012

BIL. 19/2012
19/12/2012

BIL. 6/2012
11/5/2012

BIL. 7/2012
18/6/2012

BIL. 8/2012
29/6/2012

BIL. 9 /2012
13/7/2012

BIL. 10/2012
27/7/2012

BIL. 11/2012
13/8/2012

BIL. 12/2012
30/12/2012

BIL. 18/2012
31/12/2012

Bil.	Nama Jawatankuasa					
8.	Jawatankuasa Baitulmal Daerah					
i.	Kuala Kangsar	BIL. 1/2012 15/2/2012	BIL. 2/2012 29/2/2012	BIL. 3/2012 15/3/2012	BIL. 4/2012 4/5/2012	BIL. 5/2012 30/5/2012
ii.	Taiping	BIL. 1/2012 27/1/2012	BIL. 2/2012 5/3/2012	BIL. 3/2012 11/5/2012	BIL. 4/2012 25/5/2012	BIL. 5/2012 17/7/2012
iii.	Selama	BIL. 1/2012 27/1/2012	BIL. 2/2012 5/3/2012	BIL. 3/2012 11/5/2012	BIL. 4/2012 25/5/2012	BIL. 5/2012 17/7/2012
iv.	Kerian	BIL. 1/2012 3/2/2012	BIL. 2/2012 28/2/2012	BIL. 3/2012 22/4/2012	BIL. 4/2012 31/5/2012	BIL. 5/2012 29/6/2012
v.	Teluk Intan	BIL. 1/2012 27/1/2012	BIL. 2/2012 28/2/2012	BIL. 3/2012 29/3/2012	BIL. 4/2012 30/4/2012	BIL. 5/2012 31/5/2012
vi.	Pengkalan Hulu	BIL. 1/2012 3/2/2012	BIL. 2/2012 5/3/2012	BIL. 3/2012 5/4/2012	BIL. 4/2012 14/5/2012	BIL. 5/2012 6/7/2012
vii.	Gerik	BIL. 1/2012 3/2/2012	BIL. 2/2012 5/3/2012	BIL. 3/2012 5/4/2012	BIL. 4/2012 14/5/2012	BIL. 5/2012 6/7/2012
viii.	Lenggong	BIL. 1/2012 3/2/2012	BIL. 2/2012 5/3/2012	BIL. 3/2012 5/4/2012	BIL. 4/2012 14/5/2012	BIL. 5/2012 6/7/2012
ix.	Ipoh	BIL. 1/2012 10/2/2012	BIL. 2/2012 27/2/2012	BIL. 3/2012 6/4/2012	BIL. 4/2012 27/4/2012	BIL. 5/2012 25/5/2012
x.	Batu Gajah	BIL. 1/2012 10/2/2012	BIL. 2/2012 27/2/2012	BIL. 3/2012 6/4/2012	BIL. 4/2012 27/4/2012	BIL. 5/2012 25/5/2012
xi.	Slim River	BIL. 1/2012 2/3/2012	BIL. 2/2012 27/3/2012	BIL. 3/2012 9/5/2012	BIL. 4/2012 30/5/2012	BIL. 5/2012 27/6/2012
xii.	Tapah	BIL. 1/2012 2/3/2012	BIL. 2/2012 27/3/2012	BIL. 3/2012 9/5/2012	BIL. 4/2012 30/5/2012	BIL. 5/2012 27/6/2012
xiii.	Seri Iskandar	BIL. 1/2012 2/3/2012	BIL. 2/2012 2/4/2012	BIL. 3/2012 4/5/2012	BIL. 4/2012 26/5/2012	BIL. 5/2012 17/10/2012
xiv.	Kg. Gajah	BIL. 1/2012 2/3/2012	BIL. 2/2012 2/4/2012	BIL. 3/2012 4/5/2012	BIL. 4/2012 26/7/2012	BIL. 5/2012 17/10/2012
xv.	Kampar	BIL. 1/2012 27/1/2012	BIL. 2/2012 27/2/2012	BIL. 3/2012 28/3/2012	BIL. 4/2012 27/4/2012	BIL. 5/2012 18/5/2012
xvi.	Manjung	BIL. 1/2012 4/1/2012	BIL. 2/2012 30/1/2012	BIL. 3/2012 27/2/2012	BIL. 4/2012 27/3/2012	BIL. 5/2012 25/4/2012

Kekerapan Mesyuarat

BIL. 6/2012 12/7/2012	BIL. 7/2012 19/7/2012	BIL. 8/2012 3/10/2012	BIL. 9/2012 14/11/2012			
BIL. 6/2012 15/10/2012	BIL. 7/2012 16/11/2012	BIL. 8/2012 28/12/2012				
BIL. 6/2012 15/10/2012	BIL. 7/2012 16/11/2012	BIL. 8/2012 28/12/2012				
BIL. 6/2012 26/7/2012	BIL. 7/2012 5/10/2012					
BIL. 6/2012 9/8/2012	BIL. 7/2012 5/10/2012	BIL. 8/2012 23/11/2012	BIL. 9/12 20/12/2012			
BIL. 6/2012 9/8/2012	BIL. 7/2012 5/10/2012	BIL. 8/2012 23/11/2012	BIL. 9/12 20/12/2012			
BIL. 6/2012 9/8/2012	BIL. 7/2012 5/10/2012	BIL. 8/2012 23/11/2012	BIL. 9/12 20/12/2012			
BIL. 6/2012 29/6/2012	BIL. 7/2012 20/7/2012	BIL. 8/2012 10/8/2012	BIL. 9/2012 14/9/2012	BIL. 10/2012 12/10/2012	BIL. 11/2012 30/11/2012	BIL. 12/2012 20/12/2012
BIL. 6/2012 29/6/2012	BIL. 7/2012 20/7/2012	BIL. 8/2012 10/8/2012	BIL. 9/2012 14/9/2012	BIL. 10/2012 12/10/2012	BIL. 11/2012 30/11/2012	BIL. 12/2012 20/12/2012
BIL. 6/2012 8/8/2012	BIL. 7/2012 28/9/2012	BIL. 8/2012 29/10/2012	BIL. 9/2012 30/11/2012	BIL. 10/2012 26/12/2012		
BIL. 6/2012 8/8/2012	BIL. 7/2012 28/9/2012	BIL. 8/2012 29/10/2012	BIL. 9/2012 30/11/2012	BIL. 10/2012 26/12/2012		
BIL. 6/2012 27/6/2012	BIL. 7/2012 13/7/2012	BIL. 8/2012 10/8/2012	BIL. 9/2012 28/9/2012	BIL. 10/2012 29/10/2012	BIL. 11/2012 23/11/2012	BIL. 12/2012 20/12/2012
BIL. 6/2012 11/7/2012	BIL. 7/2012 9/10/2012	BIL. 8/2012 6/12/2012				





LAPORAN OPERASI

PRESTASI PUNGUTAN ZAKAT

Tahun 2012 menjadi tahun yang cukup manis dan bermakna apabila MAIPk pertama kali dalam sejarah pungutan zakat berjaya memungut zakat melebihi RM100 juta sekaligus melebihi sasaran yang diletakkan oleh Pengurusan MAIPk. Kejayaan ini merupakan bukti kesedaran masyarakat Islam di Negeri Perak bertambah meningkat dari semasa ke semasa. Ini juga membuktikan MAIPk terus diberi kepercayaan sebagai institusi pengurus zakat di Negeri Perak bagi memastikan masalah kemiskinan dapat diatasi sebaiknya. Jadual 1 menunjukkan perbandingan pungutan zakat mengikut jenis bagi tahun 2011 dan 2012.

Pungutan zakat tahun 2012 menunjukkan kenaikan sebanyak 15.23 peratus berbanding tahun 2011. Zakat Perniagaan merupakan penyumbang terbesar daripada jumlah pungutan zakat iaitu RM42.91 juta bersamaan 42.59 peratus. Manakala Zakat Harta berjumlah RM25.78 juta dan diikuti dengan Zakat Simpanan RM21.53 juta, Fitrah RM7.97 juta, Tanaman RM1.93 juta dan RM599.16 ribu bagi Emas dan Perak. Secara umumnya, boleh dilihat bahawa kesemua jenis zakat pada tahun 2012 berlaku peningkatan kecuali zakat tanaman.

Jadual 1 : Perbandingan Pungutan Zakat Tahun 2012 dan 2011

Tahun	Fitrah (RM)	Emas & Perak (RM)	Simpanan (RM)	Harta (RM)	Perniagaan (RM)	Tanaman (RM)	Jumlah (RM)
2011	7,820,627.20	344,090.77	19,710,660.37	19,339,696.96	37,639,737.23	2,564,585.94	87,419,398.47
2012	7,976,981.00	599,168.58	21,531,489.05	25,784,421.52	42,912,609.44	1,934,377.48	100,739,047.07



Pungutan terbesar zakat di peringkat daerah selain Ibu Pejabat adalah Taiping iaitu RM4.84 juta, diikuti Teluk Intan sebanyak RM4.27 juta, Manjung sebanyak

RM4.21 juta dan Kuala Kangsar sebanyak RM3.36 juta. Jadual berikut menunjukkan pungutan zakat mengikut daerah bagi tahun 2012.

Jadual 2 : Pungutan Zakat Mengikut Ibu Pejabat dan Daerah

Bil.	Daerah	Jumlah Pungutan (RM)
1.	Ibu Pejabat	69,906,729.91
2.	Taiping	4,844,040.59
3.	Teluk Intan	4,278,899.58
4.	Manjung	4,215,419.00
5.	Kuala Kangsar	3,362,329.76
6.	Tapah	2,168,847.08
7.	Seri Iskandar	1,928,179.95
8.	Parit Buntar	1,560,034.53
9.	Batu Gajah	1,441,194.04
10.	Kampong Gajah	1,397,332.20
11.	Bagan Serai	1,319,759.51
12.	Gerik	1,223,080.81
13.	Slim River	984,472.42
14.	Kampar	767,683.46
15.	Lenggong	519,577.94
16.	Selama	490,982.00
17.	Pengkalan Hulu	330,484.29

Lantikan Ejen Baru

Para amil dan ejen yang dilantik oleh MAIPK turut menyumbang kepada peningkatan pungutan zakat pada tahun 2012. Perancangan dan kerjasama yang kemas dilaksanakan oleh para amil dan ejen MAIPK bagi memastikan semua peringkat masyarakat Islam di Negeri Perak didekati. Mereka melaksanakan amanah yang diberikan agar masyarakat di Negeri Perak menunaikan zakat dengan mudah dan cepat. Potensi ini menjadikan Pengurusan MAIPK melantik beberapa ejen baru pada tahun 2012. Ejen-ejen baru

yang dilantik ialah UniKL RCMP, UniKL MIMET, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan Institut Teknologi Perak. Peranan ejen-ejen lantikan sebelum ini masih diteruskan seperti Pos Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Public Bank, Maybank, Bank Muamalat, Affin Bank, Bank Rakyat, Agro Bank, Universiti Perguruan Sultan Idris Shah Tanjung Malim, Universiti Teknologi Mara Seri Iskandar dan Universiti Teknologi Petronas.



Promosi dan Aktiviti

Melihat kepada sasaran pungutan zakat yang tinggi oleh MAIPk pada tahun 2012, beberapa pendekatan dakwah dan promosi disusun semula dan diatur rapi bagi mencapai dan menghasilkan gerak kerja yang lebih baik dan berkesan. Penyusunan semula pendekatan dakwah dan promosi disesuaikan dengan peredaran masa dan teknologi.

Pendekatan dakwah dan promosi melalui media cetak merupakan medium yang berkesan kepada masyarakat. MAIPk memperkasakan lagi promosi melalui media cetak seperti edaran pamflet zakat yang lebih interaktif, informasi taksiran zakat melalui buletin Wadah MAIPk, pertambahan papan iklan zakat serta khutbah Jumaat mengenai zakat.

Di samping itu, MAIPk melakukan pendekatan baru iaitu bas-bas awam yang bergerak dalam kawasan bandaraya Ipoh dijadikan sebagai salah satu medium mempromosikan zakat. Ruangan iklan pada bas-bas awam tersebut digunakan oleh MAIPk untuk mempromosikan zakat. Promosi melalui pendekatan ini dapat dilihat oleh pelbagai peringkat masyarakat khususnya di bandaraya Ipoh. Iklan bergerak ini memberi kesan positif terhadap pungutan zakat.

MAIPk terus mempelbagaikan pendekatan promosi bagi memastikan dakwah zakat sampai kepada setiap lapisan masyarakat. Menggunakan pendekatan media massa, MAIPk bekerjasama dengan RTM Negeri Perak bagi memperkenalkan program "**Hiwar Islam**" di Radio PerakFM pada setiap hari Rabu jam 2 hingga 3 petang. Program ini merupakan bual bicara soal zakat secara mingguan oleh Penasihat Agama dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Melalui program ini, masyarakat di Negeri Perak mempunyai peluang mendapatkan maklumat mengenai taksiran zakat di samping mengetahui agihan yang dilakukan oleh MAIPk. Program ini mendapat sambutan yang hebat daripada pendengar Radio PerakFM.



MAIPk terus merakyatkan aktiviti promosi zakat dengan menganjurkan "**Forum Perdana Zakat**" di masjid-masjid atau surau-surau di samping pendekatan ceramah dan taklimat yang dijalankan. Aktiviti ini dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk menjadi sebahagian ahli panel forum di samping penceramah-penceramah agama yang hebat. MAIPk juga menganjurkan seminar zakat dan cukai kepada peniaga-peniaga peruncitan petrol syarikat Petronas di Negeri Perak supaya mereka dapat menuaikan zakat perniagaan kepada MAIPk. Selain itu, MAIPk turut menganjurkan seminar mengenai pungutan dan agihan zakat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar. Seminar ini memberi pendedahan kepada para peserta yang terdiri daripada para pensyarah dan pelajar UiTM Seri Iskandar.

MAIPk turut menjadikan program “**Kembara Zakat Prihatin 2012**” serta “**Jaulah MAIPk**” yang diadakan setiap tahun sebagai satu medium untuk mempromosikan zakat. Program-program ini yang melibatkan sebahagian besar daerah-daerah di Negeri Perak menerima sambutan yang hangat daripada masyarakat setempat. Peluang bersama masyarakat digunakan sepenuhnya oleh Pengurusan MAIPk mempromosikan zakat di samping menyerahkan bantuan zakat kepada penerima bantuan.

PENGAGIHAN ZAKAT YANG BERKESAN

Sejajar dengan prestasi memberangsangkan pungutan zakat bagi tahun 2012, MAIPk terus menyasarkan peningkatan agihan zakat berbanding tahun 2011. Pada tahun 2012, MAIPk telah mengagihkan RM82.68 juta berbanding sasaran sebanyak RM78 juta kepada para asnaf yang layak. Peningkatan agihan zakat ini seiring dengan pewujudan beberapa skim bantuan yang baru untuk para asnaf.

Pembangunan Asnaf Melalui Aspek Pendidikan

Salah satu program agihan kepada para asnaf terutamanya asnaf Fakir dan Miskin melalui aspek pendidikan. Antara bantuan berbentuk pendidikan yang disediakan kepada para asnaf ialah Bantuan Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran (Persediaan dan Pendaftaran), Tambang Pergi dan Balik, Bantuan Dermasiswa Dalam dan Luar Negara serta Bantuan Perkapita bagi Sekolah Agama Rakyat.

Jumlah bantuan yang disalurkan untuk Bantuan Persekolahan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM2.76 juta untuk 12,970 pelajar. Selain itu, Bantuan Am Pelajaran (Persediaan) membabitkan bantuan sebanyak RM329 ribu pada tahun 2012, Bantuan Am Pelajaran (Pendaftaran) berjumlah RM5.74 juta, Bantuan Tambang Pergi dan Balik sebanyak RM584 ribu, Bantuan Dermasiswa (Luar Negara) sebanyak RM5,245,700.00 dan Bantuan Dermasiswa (Dalam Negara) yang membabitkan jumlah bantuan sebanyak RM1,586,070.00 pada tahun 2012.

Jadual 3 : Perbandingan Skim Bantuan Program Pendidikan

Bil.	Skim Bantuan	Jumlah Bantuan (RM)	
		2012	2011
1.	Bantuan Persekolahan	2,763,810.70	3,588,179.15
2.	Bantuan Am Pelajaran (Persediaan)	329,715.20	329,715.20
3.	Bantuan Am Pelajaran (Pendaftaran)	5,741,168.00	4,885,978.50
4.	Bantuan Tambang (Pergi dan Balik)	584,053.65	893,390.00
5.	Bantuan Dermasiswa (Luar Negara)	5,245,700.00	4,833,600.00
6.	Bantuan Dermasiswa (Dalam Negara)	1,586,070.00	2,036,600.00

MAIPk pada tahun 2012 memperkenalkan satu skim basiswa pelajaran yang dikhushuskan kepada para pelajar tingkatan 1 sekolah menengah di Negeri Perak yang tergolong dalam asnaf Fakir dan Miskin. Para pelajar ini mempunyai prestasi akademik dan kokurikulum yang cemerlang. Seramai 37 orang pelajar telah terpilih untuk menerima basiswa ini. Para pelajar tersebut telah dikenal pasti kelayakannya melalui sistem pemarkahan yang telah ditetapkan oleh pihak MAIPk dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Para pelajar yang terpilih ini menerima basiswa pelajaran sebanyak RM1 ribu setahun sehingga mereka tamat pengajian di tingkatan 5 kelak.

Selain itu, pihak MAIPk juga menjalankan kerjasama dengan pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi menjayakan sebuah program iaitu "**Program Mengubah Destini Anak Bangsa**" yang merupakan pengajian peringkat Pra-Diploma bagi pelajar-pelajar melayu yang kurang berkemampuan. Pada tahun 2012, RM138 ribu dibelanjakan bagi membiayai lebih 100 orang pelajar-pelajar melayu yang terpilih melanjutkan pengajian di UiTM Seri Iskandar, Perak melalui program tersebut bagi sesi kemasukan November 2012.



Pembangunan Asnaf Melalui Aspek Kemahiran

Pada tahun 2012, MAIPk mewujudkan Skim Latihan Kemahiran Asnaf yang bertujuan melahirkan golongan asnaf yang berkemahiran dan berdaya saing. Selain

itu, dengan kemahiran yang dimiliki memberikan peluang kepada golongan asnaf untuk meningkatkan pendapatan dan akhirnya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sebagai program perintis, MAIPk telah menaja 16 orang pelajar yang terdiri daripada latar belakang keluarga yang miskin bagi mengikuti Kursus Kemahiran Komputer dan Kursus Juruelektrik dengan kerjasama sebuah institut kemahiran swasta. Kesemua pelajar tersebut mengikuti kursus latihan selama setahun di mana ianya melibatkan dua tahap Sijil Kemahiran

Malaysia (SKM). Selain itu, MAIPk menjalankan kerjasama dengan sebuah agensi perkapalan tempatan untuk melatih para asnaf menjalani latihan kemahiran maritim. Seramai lapan orang pelajar yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin telah terpilih untuk menjalani latihan selama tiga bulan di agensi terbabit.

Jadual 4 : Bantuan Program Kemahiran

Bil.	Bidang Kursus	Bil. Pelajar	Tempoh Pengajian	Jumlah Bantuan (RM)
1.	Juruelektrik	9	1 Tahun	108,000.00
2.	Juruteknik Komputer	7	1 Tahun	84,000.00
3.	Perkapalan (Maritim)	8	3 Bulan	64,000.00

Pembangunan Asnaf Melalui Aspek Sosial

Program ini disediakan untuk membantu asnaf memenuhi keperluan asasi dalam kehidupan harian dari aspek perlindungan, sara hidup dan kebajikan sebagai suatu usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan ke arah yang lebih sempurna dan selesa.

Di bawah program ini, MAIPk telah menyalurkan Bantuan Kewangan Bulanan berjumlah RM15.61 juta untuk 7,045 keluarga, Bantuan Bina Rumah yang melibatkan RM6.78 juta bagi 217 penerima. Selain itu, bantuan lain yang terlibat adalah Bantuan Baik Pulih Rumah yang melibatkan 209 buah rumah sebanyak RM1.29 juta, Bantuan Haemodialisis untuk 538 penerima berjumlah RM12.34 juta, Bantuan Perubatan sebanyak RM1.35 kepada dan Bantuan Penyelesaian Hutang yang melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM341 ribu bagi tahun 2012.

Jadual 5 : Perbandingan Bantuan Program Sosial Tahun 2012 dan 2011

Bil.	Skim Bantuan	Jumlah Bantuan (RM)	
		2012	2011
1.	Bantuan Kewangan Bulanan	15,610,446.32	13,986,198.00
2.	Bantuan Bina Rumah	6,781,995.00	6,325,852.00
3.	Bantuan Baik Pulih Rumah	1,290,144.00	508,419.25
4.	Bantuan Perubatan	1,353,005.00	1,111,012.00
5.	Bantuan Haemodialisis	12,345,155.00	10,198,218.00
6.	Bantuan Penyelesaian Hutang	341,400.37	574,263.83

Pembangunan Asnaf Melalui Aspek Ekonomi

Program ini memberi pengkhususan kepada para asnaf yang memerlukan sokongan menjalankan perniagaan. Pada tahun 2012, sejumlah RM871 ribu diagihkan berbanding RM634 ribu pada tahun 2011. Antara bentuk agihan yang diberikan ialah peralatan menangkap ikan, peralatan perniagaan, peralatan membaiki motorsikal, peralatan kimpalan besi dan peralatan *bakery*.

Pembangunan Insan

Program ini disediakan untuk membangunkan taraf perhubungan sesama insan melalui dakwah dan kefahaman Islam dengan menyalurkan pelbagai bantuan bersifat kerohanian kepada masyarakat Islam. Antara bantuan yang tersenarai di bawah program pembangunan ini ialah Elaun Guru Quran dan Pembantu Tadika Islam yang melibatkan jumlah agihan sebanyak RM1.03 juta, Insentif Mubaligh dan Guru Kelas Muallaf sebanyak RM1.56 juta, Sumbangan Pasukan Keselamatan sebanyak RM37 ribu dan Pembangunan Modal Insan yang melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM492 ribu pada tahun 2012.

Jadual 6 : Perbandingan Program Pembangunan Insan Tahun 2012 dan 2011

Bil.	Skim Bantuan	Jumlah Bantuan (RM)	
		2012	2011
1.	Elaun Guru Quran dan Pembantu Tadika Islam	1,030,644.36	795,873.65
2.	Insentif Mubaligh dan Guru Kelas Muallaf	1,564,962.69	1,280,830.94
3.	Sumbangan Pasukan Keselamatan	37,087.30	67,860.19
4.	Pembangunan Modal Insan	492,875.61	191,448.76



Penyelesaian Permohonan Bantuan

Kecekapan dan keberkesanan yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi, Pertengahan dan Daerah bagi mempertimbangkan permohonan bantuan adalah sangat penting untuk memastikan golongan yang layak sahaja menerima bantuan zakat. Jumlah permohonan bantuan daripada masyarakat adalah semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2012, Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi (JKBMT) telah bermesyuarat sebanyak 19 kali dan mempertimbangkan 1,759 permohonan. Manakala Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan (JKBMP) telah bermesyuarat sebanyak 18 kali dan telah mempertimbangkan 3,539 permohonan.

Jadual 7 : Jumlah Permohonan Bantuan Mengikut Jawatankuasa Baitulmal

Bil.	Nama Jawatankuasa	Bilangan Permohonan
1.	Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi	1,759
2.	Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan	3,539
3.	Jawatankuasa Baitulmal Daerah	
i)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Slim River	777
ii)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Tapah	1,309
iii)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Kampar	2,557
iv)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Batu Gajah	1,328
v)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Ipoh	3,885
vi)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Kg. Gajah	683
vii)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Seri Iskandar	1,952
viii)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Manjung	3,577
ix)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Teluk Intan	2,186
x)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Kuala Kangsar	2,460
xi)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Lenggong	1,255
xii)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Gerik	1,171
xiii)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu	524
xiv)	Jawatankuasa Baitulmal Kerian	5,449
xv)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Taiping	4,033
xvi)	Jawatankuasa Baitulmal Daerah Selama	1,482

PENGUKUHAN HARTA WAKAF DAN MAL

MAIPk merupakan pemegang amanah tunggal harta wakaf di Negeri Perak. Sehingga 31 Disember 2012, MAIPk memiliki 6,121 lot tanah harta wakaf dan baitulmal untuk dibangunkan dan manfaatnya dikembalikan kepada umat Islam di Negeri Perak. Usaha menambah baik dan mengemaskini rekod-rekod harta wakaf dan baitulmal sering dijalankan

sepanjang tahun. Banyak rekod dalam bentuk hakmilik dan gazet (pewartaan) sebelum ini sukar dikesan telah dapat dimurnikan maklumatnya. Pengurusan MAIPk mewujudkan satu sistem pangkalan data yang dinamakan e-Hartanah bagi mengumpul dan merekodkan data harta-harta wakaf dan baitulmal secara tersusun dan bersistematis. Perekodan maklumat-maklumat ini menjadi teras kepada tadbir urus harta wakaf dan mal yang berkesan dan berkualiti.

Jadual 8 : Jumlah Lot Tanah MAIPk Sehingga Tahun 2012

Bil.	Jenis Hartanah	Bilangan Lot
1.	Tanah Wakaf Masjid	631
2.	Tanah Wakaf Surau	2,021
3.	Tanah Wakaf Sekolah Agama	715
4.	Tanah Wakaf Kubur	487
5.	Tanah Wakaf Am	220
6.	Tanah Wakaf Ahli	2
7.	Tanah Baitulmal	2,045
Jumlah Keseluruhan		6,121

Pada tahun 2012, MAIPk bergerak lebih agresif bagi memperkemas lagi pengurusan harta-harta MAIPk seperti pendaftaran tanah, kenal pasti lokasi, kerja-kerja ukur sempadan, penyelenggaraan dan pembersihan kawasan tanah, penilaian harta tanah dan pembayaran cukai mengikut jadual. Semua ini dilaksanakan bagi memastikan harta-harta MAIPk berada dalam keadaan yang baik dan teratur.

MAIPk juga berusaha menambahkan lagi harta sedia ada selain menerima harta dalam bentuk sumbangan pewakaf dan pembahagian pusaka (*faraid*). Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh MAIPk memperolehi harta wakaf dan baitulmal ialah anugerah tanah-tanah dari kerajaan negeri bagi tujuan sekolah agama, masjid, surau dan kubur serta pembelian tanah-tanah yang strategik untuk dibangunkan bagi tujuan komersial.

Jadual 9 : Keluasan Tanah Baitulmal Mengikut Daerah Negeri Perak

Bil.	Daerah	Bilangan Lot	Cukai Tanah (RM)	Nilai Tanah (RM)	Keluasan (Hektar)
1.	Batang Padang	265	11,799.00	1,086,360.00	227.6335
2.	Hilir Perak	180	6,958.10	465,405.85	254.0964
3.	Hulu Perak	190	10,571.00	1,021,978.00	159.8569
4.	Kampar	65	2,668.00	75,650.00	4338.8877
5.	Kerian	306	7,646.40	1,961,930.00	11,226.3074
6.	Kinta	203	30,655.00	5,819,610.08	10,996.4700
7.	Kuala Kangsar	234	4,654.50	341,636.00	265.2576
8.	Larut Matang Selama	273	8,888.00	165,610.00	231.1583
9.	Manjung	73	3,850.00	524,484.00	90.9497
10.	Perak Tengah	256	5,301.50	282,375.00	194.3087
Jumlah Keseluruhan		2,045	92,991.50	11,745,038.93	27,984.9262

Tanah dan Bangunan Mal

MAIPk telah dikurniakan tanah seluas 42.549 hektar di lot 3916 Mukim Pengkalan Hulu Daerah Hulu Perak oleh Kerajaan Negeri Perak bagi tujuan saraan Sekolah Menengah Agama Rakyat Al-Yusufiah, Kampung Kuak Luar. Tanah ini sedang dibangunkan bagi membolehkan manfaatnya dikembalikan kepada pihak sekolah tersebut.

Lot-lot bangunan dan tanah baitulmal yang dimiliki MAIPk disewa atau dipajakkan bagi menjana pendapatan. Sewaan atau pajakan ini merangkumi rumah, tanah, bangunan kedai serta kemudahan yang boleh digunakan oleh orang awam. Pungutan yang diperolehi ini dapat menampung kos operasi Pengurusan MAIPk serta pembangunan harta-harta baitulmal di seluruh Negeri Perak.



Jadual 10 : Jumlah Pungutan Sewaan Hartanah MAIPk Tahun 2012

Bil.	Kategori Hartanah Yang Disewa/Dipajak	Bilangan Premis	Jumlah Pungutan (RM)
1.	Rumah	8	16,000.00
2.	Tanah	29	24,430.73
3.	Kedai	85	447,840.00
4.	Kompleks Islam Darul Ridzuan	1	1,425,734.50
Jumlah			1,914,005.23

PEMERKASAAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Padatahun2012,MAIPkterusberusahamemperkasakan kualiti penyampaian perkhidmatannya. Pengukuhan struktur organisasi, prosedur pengurusan kerja dan kewangan serta imej korporat MAIPk merupakan antara aspek yang diberikan penekanan.

Pengukuhan dan Perkembangan Organisasi

Struktur organisasi MAIPk diperkuuhkan dengan menaik taraf Unit Kewangan yang berada bawah Bahagian Khidmat Pengurusan kepada Bahagian Kewangan. Di samping itu, Bahagian Hartanah dijenamakan semula menjadi Bahagian Hartanah dan Pelaburan. Oleh itu, Pengurusan MAIPk mempunyai empat (4) bahagian utama iaitu, Bahagian Zakat, Bahagian Hartanah dan Pelaburan, Bahagian Khidmat Pengurusan serta Bahagian Kewangan.

Terdapat pewujudan beberapa unit baru iaitu Unit Pembangunan Ummah dan Unit Strategik dan Risiko. Unit Strategik dan Risiko berfungsi sebagai unit yang bertanggungjawab untuk membantu Ketua Pegawai Eksekutif dalam memastikan pelaksanaan semua program dan aktiviti Pengurusan Strategik, Pengurusan Risiko, Pengurusan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Pengurusan Perpustakaan. Unit ini bergabung dengan Unit Korporat dan Keurusetiaan dan dijenamakan menjadi Unit Korporat dan Strategik.

Unit Pembangunan Ummah diwujudkan bagi menguruskan hal ehwal berkaitan dengan Pengurusan Masjid, Surau dan Sekolah Agama Rakyat di seluruh negeri Perak di samping memantau dan menyelesaikan sebarang urusan yang berkaitan dengan Bantuan Pembangunan Islam.

Di samping perubahan dan pewujudan unit-unit dalam organisasi MAIPk, struktur organisasi MAIPk diperkuuhkan dengan pengambilan seramai 64 orang kakitangan baru bagi melengkapkan keperluan pekhidmat di ibu pejabat dan daerah-daerah. Pengukuhan ini termasuk pewujudan jawatan Penolong Pegawai Tadbir di ibu pejabat dan daerah. Tindakan ini dapat mempertingkatkan kecekapan Pengurusan MAIPk untuk menguruskan sosio-ekonomi ummah.

Persekutaran Kerja Yang Kondusif

